

## SEJARAH TAHUN 5: IDENTITI NEGARA KITA

### Bendera Kebangsaan Malaysia

Lengkapkan petikan berikut dengan jawapan yang betul.

|                             |                          |          |           |        |
|-----------------------------|--------------------------|----------|-----------|--------|
| 14                          | Tun Dr. Mahathir Mohamad | Malaysia | 40        |        |
| kegemilangan                | Jalur Gemilang           | 4        | cemerlang | bangga |
| 31 Ogos 1997                |                          |          |           |        |
| Jalur Gemilang Bendera Kita |                          |          |           |        |

Bendera kebangsaan ialah lambang identiti negara dan menjadi kebanggaan rakyat. Nama bendera kebangsaan kita ialah \_\_\_\_\_. Nama ini telah diumumkan pada \_\_\_\_\_ bersempena dengan hari kemerdekaan negara yang ke-\_\_\_\_\_. Pada waktu itu, Perdana Menteri Malaysia yang ke-\_\_\_\_\_ iaitu \_\_\_\_\_ telah mengumumkan nama tersebut.

Nama Jalur Gemilang diberi kerana bendera kita mempunyai \_\_\_\_\_ jalur. Jalur bermaksud satu haluan yang sama untuk menuju \_\_\_\_\_ bangsa dan negara. Gemilang pula bermaksud bercahaya dan \_\_\_\_\_.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa \_\_\_\_\_ dengan Jalur Gemilang dan mengibarkan bendera kebangsaan kita walau di mana-mana kita berada. Mengibarkan bendera kebangsaan menjadi bukti kita sayang dan bersyukur menjadi rakyat \_\_\_\_\_.

~nyi~



## Makna dan Lambang Jalur Gemilang



- Melambangkan kesetiaan kepada raja dan Negara
- Melambangkan kedaulatan Raja Berperlembagaan

- Melambangkan kesucian dan keikhlasan
- Melambangkan kesungguhan bagi mempertingkatkan ketahanan rakyat yang beradab

Melambangkan keberanian dan kegigihan rakyat menghadapi cabaran

Melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan

- Melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum
- Bersatu padu dan berusaha memajukan ekonomi

Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia

